

**TATACARA PENEMPATAN DAN TERMA RUJUKAN PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)
DI PEJABAT MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Dasar kerajaan menempatkan Pegawai Khas Integriti (PKI) di pejabat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri merupakan salah satu langkah pengukuhan usaha-usaha kerajaan berkaitan pemantapan governans, integriti dan antirasuah di peringkat Kerajaan Negeri. Inisiatif baru ini akan dapat membantu peningkatan kecekapan dan ketelusan pengurusan Kerajaan Negeri berteraskan kepada prinsip governans, integriti dan antirasuah.

2. TUJUAN

- 2.1 Tatacara ini bertujuan sebagai panduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pejabat Menteri Besar/ Ketua Menteri berkaitan penempatan PKI di pejabat Menteri Besar/ Ketua Menteri.
- 2.2 Tatacara ini juga menggariskan terma-terma rujukan, tanggungjawab dan limitasi peranan PKI semasa penempatan di agensi berkaitan.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Pada 5 Oktober 2018, Perdana Menteri Malaysia telah mengeluarkan Arahan YAB PM No.1 Tahun 2018: Pemantapan Governans, Integriti dan Anti -Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Kebangsaan. Arahan ini telah dikeluarkan bagi memastikan pengurusan pentadbiran kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berdisiplin dan berintegriti dalam mencapai matlamat utama pengurusan pentadbiran kerajaan yang bebas daripada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- 3.2 Usaha murni kerajaan ini merupakan penghormatan besar kepada SPRM sebagai sebuah agensi tunggal penguatkuasaan jenayah rasuah di Malaysia. Menyedari hakikat ini, SPRM telah mengesyorkan agar seorang pegawai kanan SPRM ditempatkan di pejabat Menteri Besar/ Ketua Menteri sebagai penasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berkaitan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam hal ehwal pengurusan pentadbiran Kerajaan Negeri. Penempatan pegawai SPRM ini adalah selaras dengan fungsi-fungsi pegawai SPRM seperti yang termaktub di bawah Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

4. TAFSIRAN

- 4.1 **Pegawai Khas Integriti (PKI) dalam tatacara ini** ertinya seorang pegawai SPRM yang dilantik dan ditempatkan di pejabat Menteri Besar/ Ketua Menteri sebagai penasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri dalam aspek pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan Negeri mengikut terma rujukan diperenggan 6 tatacara ini. .
- 4.2 **Jawatan Peminjaman dalam tatacara ini** ertinya peminjaman pegawai mengikut perkara 134 Perlembagaan Persekutuan.

5. PENEMPATAN PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)

5.1 PENCALONAN

- 5.1.1 Pencalonan PKI adalah tanggungjawab SPRM;
- 5.1.2 PKI hendaklah seorang pegawai SPRM yang dilantik di bawah subseksyen 6(1) Akta 694;
- 5.1.3 PKI hendaklah seorang pegawai SPRM yang menjawat jawatan sekurang-kurangnya gred P52 dan ke atas;
- 5.1.4 PKI hendaklah lulus tapisan keutuhan SPRM (e-STK);
- 5.1.5 PKI tidak ada sebarang rekod tindakan tatatertib atau jenayah sepanjang tempoh perkhidmatan; dan
- 5.1.6 Keutamaan PKI hendaklah seorang yang telah mengikuti Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan diiktiraf sebagai CeIO.

5.2 PELANTIKAN

- 5.2.1 BPIA hendaklah mengenal pasti calon yang berkelayakan dan mengemukakan cadangan Pencalonan Pegawai SPRM kepada Pengurusan Tertinggi SPRM untuk persetujuan penempatan.
- 5.2.2 Pegawai SPRM yang dilantik sebagai PKI hendaklah memegang jawatan tersebut secara peminjaman dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun.

- 5.2.3 Penamatan atau penyambungan tempoh penempatan sebagai PKI hanya boleh dipertimbangkan atas kepentingan perkhidmatan dan dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi SPRM.
- 5.2.4 Pegawai SPRM yang dilantik sebagai PKI hanya boleh menerima satu saraan sahaja dan gaji permulaan hendaklah ditetapkan berdasarkan kepada prinsip “tidak kurang baik” (*no less favourable*) sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2007 mengenai Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.

6. TERMA RUJUKAN PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)


- 6.1 PKI hanya akan **bertanggungjawab** kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri dan tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.
- 6.2 PKI hendaklah **memberikan nasihat** kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berkaitan dengan amalan, sistem atau tatacara yang perlu dilaksanakan dalam pemantapan governans, pengukuhan integriti dan antirasuah seperti berikut:
 - 6.2.1 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berhubung mana-mana polisi, dasar, undang-undang, peraturan dan amalan yang sedang atau akan diguna pakai oleh Kerajaan Negeri tidak bercanggah dengan peruntukan kesalahan jenayah rasuah di bawah Akta 694;
 - 6.2.2 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berkaitan pelaksanaan dasar-dasar pemantapan governans, pengukuhan integriti dan anti rasuah yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Kebangsaan untuk pelaksanaan di peringkat Kerajaan Negeri;
 - 6.2.3 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri untuk menjadikan isu pemantapan governans, pengukuhan integriti dan anti rasuah menjadi agenda untuk dibincangkan dalam salah satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Besar/ Ketua Menteri;
 - 6.2.4 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri dalam isu pembiayaan politik dan penerimaan hadiah daripada pihak ketiga terutama pihak-pihak berkepentingan;
 - 6.2.5 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri mengenai isu pengurusan dan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat Berkanun di bawah Kerajaan Negeri dan Syarikat-syarikat di bawah pemilikan atau kawalan

- kerajaan negeri bagi mengelakkan percanggahan kepentingan dalam membuat keputusan;
- 6.2.6 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri dalam memberi penekanan terhadap isu-isu integriti, governans dan anti rasuah di setiap program anjuran Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak terutama yang melibatkan Menteri Besar/ Ketua Menteri;
- 6.2.7 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berdasarkan teguran-teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan mencadangkan kaedah-kaedah penyelesaian kepada isu-isu pentadbiran Kerajaan Negeri yang sentiasa berulang dalam laporan LKAN;
- 6.2.8 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berdasarkan laporan *Public Service Corruption Ranking* yang dikeluarkan oleh pihak SPRM dan memberi cadangan intervensi pencegahan rasuah dan perlanggaran integriti yang sesuai; dan
- 6.2.9 Memberi nasihat kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri berkaitan inisiatif-inisiatif pengukuhan integriti, pemantapan governans dan pencegahan rasuah yang suai manfaat pelaksanaannya dalam membentuk kerajaan negeri yang bersih dari rasuah.
- 6.3 PKI hendaklah, **atas permintaan** Menteri Besar/ Ketua Menteri, menasihati Menteri Besar/ Ketua Menteri berkaitan dengan isu pemantapan governans, pengukuhan integriti dan antirasuah dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri.
- 6.4 PKI hendaklah **menerima apa-apa maklumat** berkaitan apa-apa perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Maklumat yang lengkap hendaklah disalurkan seberapa segera kepada Unit Integriti (UI) Kerajaan Negeri atau Ibu pejabat SPRM untuk tindakan lanjut.
- 6.5 PKI boleh **membuat pengesahan awal** berkaitan apa-apa isu atau maklumat yang disyaki berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta 694.

7. RANGKAIAN PENGURUSAN PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)

- 7.1 PKI hendaklah ditempatkan di pejabat Menteri Besar/ Ketua Menteri dan melaporkan terus kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri.
- 7.2 PKI juga bertanggungjawab melaporkan kepada Pengurusan Tertinggi SPRM melalui pelaporan bertulis dan platform mesyuarat seperti Mesyuarat Pegawai SPRM di Agensi Luar (MPSAL) atau yang mana bersesuaian.

- 7.3 PKI dan Unit Integriti (UI) adalah entiti yang berbeza dan boleh berhubung dalam melaksanakan kerjasama bagi menjayakan usaha pemantapan governans, integriti dan anti rasuah dalam pentadbiran kerajaan negeri.



Rajah 1:
Rangkaian Pengurusan Pegawai Khas Integriti (PKI) Di Pejabat Menteri Besar/ Ketua Menteri

8. LIMITASI PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)

- 8.1 Apa-apa sahaja syor atau nasihat yang dikemukakan oleh PKI bukanlah mengikat Menteri Besar/ Ketua Menteri dalam membuat keputusan. Keputusan muktamad bergantung kepada Menteri Besar/ Ketua Menteri.
- 8.2 PKI dilarang untuk menjadi pemerhati atau ahli jawatankuasa yang terlibat dalam membuat keputusan berkaitan sebarang urusan perniagaan atau perolehan di mana-mana jabatan atau agensi kerajaan negeri seperti mana dinyatakan dalam perenggan 21 kod etika SPRM.
- 8.3 PKI tidak dibenarkan memberikan apa-apa nasihat perundangan berkaitan apa-apa isu perundangan terutamanya berkaitan tafsiran undang-undang. Jika PKI dirujuk berkaitan dengan apa-apa isu perundangan, PKI hendaklah menyalurkan isu tersebut kepada

Penasihat Undang-Undang Negeri (PUU). PKI boleh, semasa menyalurkan isu tersebut kepada PUU, memberikan ulasan berdasarkan pengetahuannya kepada PUU berkaitan dengan isu perundungan yang dirujuk.

- 8.4 PKI tidak mempunyai apa-apa kuasa ke atas UI dan begitu juga sebaliknya. PKI juga tidak melaksanakan fungsi UI.
- 8.5 Pelaksanaan terma rujukan PKI terhad menurut fungsi yang ada sebagai seorang pegawai SPRM seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 7 Akta 694.

9. PELAPORAN PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)

- 9.1 Pelaporan perlu disediakan menggunakan templat khusus yang telah disediakan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) seperti di lampiran A dan dikemukakan kepada urus setia BPIA setiap enam bulan iaitu sebagaimana ketetapan berikut:

9.2	PELAPORAN PKI	TARIKH AKHIR KEMUKAKAN LAPORAN
	Laporan bulan Januari hingga Jun	Pada setiap 15hb Julai tahun semasa
	Laporan bulan Julai hingga Disember	Pada setiap 15hb Januari tahun berikutnya

asihat yang diberikan oleh PKI hendaklah secara bertulis, dan jika suatu nasihat telah diberikan secara lisan kerana keperluan yang mendesak, PKI hendaklah mencatatkan semula nasihat tersebut secara bertulis bagi tujuan rekod.

- 9.3 Pelaporan kepada urus setia BPIA hendaklah dihantar ke alamat dan e-mel seperti di bawah;

Pengarah
 Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
 Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
 Aras 8, Blok B,
 No. 2, Lebuh Wawasan,
 Presint 7, 62250 Putrajaya.
 Email: t1@sprm.gov.my atau urussetiapki@sprm.gov.my

10. PEMATUHAN PEGAWAI KHAS INTEGRITI (PKI)

- 10.1 Mana-mana perintah tetap, arahan, kod etika, peraturan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh SPRM sama ada berkaitan dasar, tingkah laku, proses kerja atau pengurusan seperti pengisian *e-Diary* SPRM, Pengisian KPI dan sebagainya hendaklah dipatuhi oleh PKI.
- 10.2 Sebarang keraguan dalam pelaksanaan terma rujukan, PKI hendaklah merujuk terlebih dahulu kepada pihak SPRM untuk mendapatkan pencerahan.
- 10.3 Tatacara ini hendaklah dipatuhi sehingga ianya diganti dengan tatacara atau apa-apa panduan yang lain.

Disediakan Oleh:

**BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**